

USIM himpun 200 pemimpin universiti seluruh dunia

Nilai: Lebih 200 pemimpin universiti seluruh dunia berkumpul di Hotel Marriott, Putrajaya pada Selasa ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin Universiti Negara Islam 2015 (WICUIS).

Pengarah Pusat Antarabangsa 'Alamiyyah', Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Profesor Dr Roshada Hashim berkata, program itu

diadakan bagi membincangkan landskap pendidikan tinggi Islam.

Katanya, program dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKIPT) itu berlangsung dua hari dengan tema 'Menulis Semula Naratif: Pendidikan Tinggi pada Abad ke-21'.

"Pertemuan itu membatikan pemimpin universiti

Islam dari Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Filipina, Sudan, Nigeria, Jordania dan sebagainya.

"Ia menjadi platform membincangkan hala tuju pendidikan Islam yang kini berkembang pesat," katanya.

FAKTA

Program dua hari bincang halatuju pendidikan Islam

Katanya lagi, USIM menjadi perintis pembangunan pengajian Islam di negara ini dan bekerjasama dengan dunia luar.

"Dalam program ini, Sultan Perak Sultan Nazrin Muazzuddin Shah dijangka mencemar duli dan menyampaikan ucapan ber-

tajuk 'Mengembalikan Semula Pendidikan Di Universiti Islam Pada Abad ke-21'," katanya.

Beliau berkata, WICUIS 2015 memberi penekanan kepada tiga aspek iaitu kepentingan akses dan ekuiti dalam pendidikan, kaitan budaya dan etika serta kelestarian pendidikan universiti Islam di seluruh dunia.



DR Roshada